



Tatabahasa – Kata Hubung

Buku Teks muka surat 102 – Kita Sudah Berjaya

SK : 5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.

SP : 5.1.6 Memahami dan menggunakan pelbagai kata hubung mengikut konteks dengan betul

Pilih kata hubung yang sesuai untuk melengkapi petikan.

lalu

seperti

sambil

manakala

tatkala

dengan

untuk

Pagi Ahad yang lalu, Amar, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang untuk membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun usia mereka masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan _____ cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain. Seterusnya, ketua kampung berdiri _____ memberikan taklimat

Selepas itu, mereka mula bekerja _____ tekun. Ada yang ditugasi _____ membancuh simen. Izuni menyediakan minuman _____ Iffah menyiapkan makanan.

Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan _____ menjelang tengah hari. Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat _____ menikmati hidangan.

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan bahawa hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.

